



# Datuk Razlan Jutawan Phytoscience



TIADA KEJAYAAN YANG DATANG DENGAN MUDAH TANPA USAHA YANG JITU. KATA ORANG, KEJAYAAN ITU HADIR MENERUSI KEGAGALAN DAN KEGAGALAN ITU MENJADI GURU TERISTIMEWA DALAM KEHIDUPAN. PERKARA INI DIBUKTIKAN SENDIRI OLEH DATUK RAZLAN SHAH ISMAIL, 31, BAHAWASANYA SIFAT TIDAK MUDAH MENGALAH MERUPAKAN PEMANGKIN UTAMA SEHINGGA BERJAYA BERGELAR JUTAWAN MUDA.

**BERKERETA** mewah dan memiliki aset kediaman yang besar menjadikan anak kelahiran negeri Kedah ini sebagai antara mereka yang bertuah. Apa tidaknya jika anak muda seusianya masih lagi berusaha keras membina kehidupan yang selesa, beliau sudah mampu berdiri teguh dalam kemewahan yang dikecapi menerusi usaha tanpa mengenal putus asa.  
Membina kejayaan menerusi perniagaan berasaskan

Multi Level Marketing (MLM), Razlan telah membuktikan bahawa penyertaannya di dalam syarikat Phytoscience Sdn. Bhd. membuahkan hasil yang membanggakan. Dalam tempoh enam bulan penyertaan, beliau telah diiktiraf sebagai jutawan terpentas dalam Phytoscience.  
"Saya tahu ramai yang berfikir negatif tentang MLM. Pada saya itu terpulung pada pendapat masing-masing. Saya sendiri mempunyai pelbagai pengalaman lebih 10 tahun berkaitan perniagaan MLM sebelum diperkenalkan dengan Phytoscience yang diasaskan oleh Datuk Seri Lai Teck Peng.  
"Pelbagai perniagaan MLM saya buat sebelum ini namun hasilnya kurang memberangsangkan. Jika ada hasil pun hanya cukup makan bagi menampung kehidupan saya bersama keluarga. Selepas puas mencuba pelbagai perniagaan, saya akhirnya diperkenalkan dengan Phytoscience pada Jun 2013.

control no: 0000274461  
file no: MA/business/2015/BUS 2015 A 03.pdf


Business - Entrepreneurs  
Pg = 28-31



Datuk Razlan, dikenali menerusi Facebook Razlanshah.



Sentiasa mewujudkan komunikasi yang positif dalam memperkenalkan produk kesihatan Phytoscience.



Usaha keras menjadi pengukur kejayaan Aizul.

## PHYTOSCIENCE UBAH MENTALITI - AIZUL

Peluang berkunjung ke Phytoscience, membuka ruang untuk bertemu dengan beberapa orang anak muda yang berstatus jutawan. Antara yang berjaya berada di bawah kelolaan Datuk Razlan adalah Aizul Marcellio, 27. Menurutny, Phytoscience berjaya mengubah mentaliti yang selama ini tidak yakin pada bisnes berasaskan MLM.

"Dulu saya pernah anti dengan MLM kerana ibu saya pernah mempunyai pengalaman mengenai MLM ini. Sehingga saya diperkenalkan oleh salah seorang saudara saya dengan Phytoscience. Selepas saya baca secara mendalam mengenai syarikat ini dan melihat ia membantu ramai orang, barulah saya yakin dengannya.

"Saya kemudiannya bersama isteri, Lynda Roslan, akhirnya memilih bisnes ini sebagai pilihan. Alhamdulillah dalam tempoh 11 bulan sahaja, kami sudah mampu mencapai taraf jutawan serta mewujudkan kumpulan seramai 20,000 orang ahli di seluruh Malaysia dan di luar negara.


"Selain daripada memberi tumpuan pada AL Phyto, saya dan isteri juga turut menjalankan bisnes sendiri iaitu dengan membuka butik pakaian. Butik yang diberi nama Andheqa ini kini beroperasi di Shah Alam, Selangor. Saya amat bersyukur kerana dikurniakan rezeki dan seterusnya dapat membantu orang lain juga," tutur Aizul.



Abi Nubly bersama kerela kesayangannya yang dikendalikan menerusi kejayaannya dalam Phytoscience.



Pada usia muda, Muhammad Fitri Hamdan sudah bergelar jutawan.



Phytoscience membuka ruang buat Rizwan Rafiqin menjadi jutawan muda yang hebat.

## KESUSAHAN JADI KEKUATAN - SHAZWAN

Shazwan Abdullah, 31, juga adalah antara salah seorang yang berjaya bergelar jutawan. Namun, di sebalik kejayaannya terselindung kisah kehidupan yang cukup memeritkan. Pernah dihimpit dengan masalah hutang ceti haram suatu ketika dulu, menjadikan kehidupan yang dilaluinya amat berliku.

"Dulu saya hidup dalam desakan yang amat teruk. Malah ibu bapa saya sendiri pernah menangis melihat kesusahan hidup saya. Saya mencari rezeki sebagai penjual burger serta menjual pelbagai produk kesihatan dan kecantikan secara online. Namun semua itu masih belum cukup untuk membantu menampung kehidupan saya.

"Saya akhirnya bertemu dengan Phytoscience. Sebelum menyertainya, saya terlebih dahulu mengkaji tentang Phytoscience. Selepas yakin barulah saya sertainya dan syukur dalam tempoh 11 bulan saya sudah mencapai status jutawan. Ia secara tak langsung membantu saya untuk keluar daripada kesusahan hidup yang membeleggu saya sekian lama.

"Bagi saya jika kita sertai bisnes ini kita tak boleh berhenti meskipun telah mencapai tahap yang selesai. Kita sendiri perlu berusaha dan fokus pada apa yang kita lakukan. Namun dalam apa jua perkara yang kita lakukan, restu ibu bapa itu yang paling utama. Dengan restu merekalah kita akan mencapai kejayaan, insya-Allah," katanya. 4

## POSITIF CAPAI IMPIAN

"Pada awalnya saya hanya menyertainya sebagai ahli biasa. Ketika itu Phytoscience baru lapan bulan beroperasi dan telah melahirkan empat orang jutawan. Saya boleh dikatakan amat beruntung kerana menjadi antara ahli yang terawal menyertai syarikat ini. Dan sudah tentu ia membakar semangat saya untuk aktif memasarkan produk Phytoscience.

"Namun, oleh sebab ketika itu saya masih berkhidmat sebagai pegawai Terntera Laut Diraja Malaysia (TLDM), saya hanya menjalankan perniagaan ini secara sampingan. Berkat usaha serta dibantu dengan strategi pemasaran syarikat, dalam tempoh enam bulan saya sudah mampu mencapai taraf jutawan dan menjadi jutawan keenam kelahiran Phytoscience.

"Memandangkan saya ingin beri tumpuan penuh pada Phytoscience, saya akhirnya membulatkan tekad untuk bersara sebagai anggota tentera pada Oktober 2014. Alhamdulillah, selama hampir dua tahun berada di dalam Phytoscience, saya telah memiliki seramai 100,000 orang di bawah rangkaian saya sendiri iaitu menerusi PhytoRichM5.


"Menerusi PhytoRichM5 ini, saya bersama isteri, Datin Yulia Rosalina, 24, mengorak langkah dan strategi sehingga berjaya meletakkan PhytoRichM5 di tahap yang boleh dibanggakan. Sehingga kini saya telah berjaya melahirkan empat orang jutawan dan insya-Allah untuk tahun ini saya menyasarkan untuk melahirkan sehingga 10 orang jutawan," tuturnya.

Mengakui bukan mudah untuk dirinya berada di paras selesa kini, Razlan memberitahu, hanya usaha, kesabaran dan semangat tidak mudah mengalah menjadi kekuatannya selama ini. Tuturnya, baik kerja makan gaji ataupun sebaliknya, setiap individu perlu mempunyai kesungguhan dan kerajinan yang tinggi untuk mencapai apa yang diimpikan.

"Mungkin tempoh enam bulan itu tampak terlalu singkat untuk seseorang mencapai taraf jutawan. Tetapi saya sendiri telah berjaya buktikannya. Dulu ketika saya bekerja makan gaji, duit akan masuk pada setiap bulan jika kita bekerja. Begitu jugalah dengan dunia bisnes ini. Kalau kita sekadar duduk saja mana mungkin duit itu akan datang dengan mudah.

"Saya sendiri percaya pada rezeki. Ia ada di mana sahaja asalkan kita rajin mencarinya. Dalam mencapai sesuatu kejayaan, kita juga perlu bergaul dengan mereka yang positif barulah kita juga akan menjadi positif. Jika kita bergaul dengan orang yang negatif, kita juga akan menjadi seperti mereka dan akhirnya tidak akan ke mana.

"Bagi saya setiap orang perlu bijak mengambil peluang untuk ubah kehidupan. Insya-Allah, kita akan melahirkan lebih ramai jutawan melalui PhytoRichM5 dengan mewujudkan pelbagai cabang bisnes antaranya menerusi bisnes permotoran dan produksi. Itu adalah impian saya dan isteri. Harap ia dapat direalisasikan tidak lama lagi," ujar Datuk Razlan ketika ditemui di ibu pejabat Phytoscience, Bandar Baru Bangi, Selangor.



Kesusahan menjadi guru bertaqwa buat Shazwan.